

**HUBUNGAN ANTARA MOTIF BELAJAR
DENGAN MOTIVASI BELAJAR
DI KALANGAN PELAJAR
PLUMS SANDAKAN**


AKTAR BIN ASIL

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.



(AKTAR BIN ASIL)

No. Pelajar : PT20068410


15 MEI 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Dengan rendah diri saya menghulurkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia disertasi Prof. Dr. Vincent Pang atas bimbingan dan nasihat sepanjang penyediaan disertasi ini. Setinggi penghargaan juga kepada penyelaras PLUMS Sandakan Dr. Lay Yoon Fah ke atas khidmat nasihat kepada saya. Setinggi penghargaan juga kepada saudara Jenenius Kilam yang sedia membantu saya dalam tempoh penyediaan disertasi ini. Setinggi penghargaan juga kepada semua pelajar PLUMS Sandakan atas komitmen yang baik. Setinggi penghargaan juga kepada semua guru SK. Nangoh yang telah memberi dorongan kepada saya. Setinggi penghargaan juga kepada semua keluarga saya yang banyak membantu dari segi dorongan dan motivasi. Setinggi penghargaan juga kepada individu-individu yang tidak tersebut tetapi memberi dorongan yang positif. Mudah-mudahan Tuhan memberkati dan memberi apa anda semua hajati.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini meninjau pandangan guru yang belajar di PLUMS Sandakan berkaitan dengan hubungan antara motif belajar dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan. Kajian ini melibatkan 92 orang pelajar PLUMS Sandakan sebagai sampel dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Semua data dianalisis menggunakan pakej SPSS versi 16.0. Sub pemboleh ubah seperti faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat dan faktor dorongan keluarga dianalisis menggunakan analisis frekuensi melalui kekerapan dan peratus. Hipotesis kajian dianalisis menggunakan analisis inferensi melalui korelasi Pearson. Setelah dianalisis menggunakan kekerapan dan peratus didapati bahawa semua pemboleh ubah yang diuji mencatat peratus kekerapan yang tinggi dalam skala setuju dan sangat setuju. Iaitu faktor gaji = 87%, faktor kenaikan pangkat = 70%, faktor minat = 72% dan faktor dorongan keluarga = 57%. Dapatan analisis korelasi juga menunjukkan penolakan keempat-empat hipotesis kajian kerana dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah. Penolakan H01 kerana terdapat hubungan yang signifikan antara faktor gaji dengan motivasi belajar pada aras yang lemah (pekali $r = .360^{**}$), penolakan H02 kerana terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar pada aras yang lemah (pekali $r = .477^{**}$, penolakan H03 kerana terdapat hubungan yang signifikan antara faktor minat dengan motivasi belajar pada aras yang sederhana (pekali $r = .540^{**}$) dan penolakan H04 kerana terdapat hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar pada aras yang lemah (pekali $r = .373^{**}$). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara motif belajar dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.

Katakunci : Motif Belajar, Motivasi Belajar, Pelajar PLUMS Sandakan

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE MOTIVES OF LEARNING WITH THE MOTIVATION OF LEARNING AMONG SANDAKAN PLUMS'S STUDENT

*This research is to survey the Sandakan PLUMS's student perception about the relationship between the motives of learning with their motivation of learning among the Sandakan PLUMS students. This research involves 92 PLUMS students in Sandakan as a sample by using questionnaire form as a research instrument. All data have been analysed using SPSS 16.0 package. The variable sub of various factors namely promotional factors, interest factors and family encouragement had been analysed through Pearson Correlation. Analysis shown all the variables that had been tested scores high frequencies in scales of Agree and Strongly Agree. Salary factor scores 87%, promotional factor 70.03%, interest factor 72.2% and family encouragement scores 56%. The correlation finds rejection of all four research hypothesis as the finding shows significant relation between the two variables. Rejection of H01 because of the significant relation between salary factor and the motivation at a low level ($r = .360^{**}$), rejection of H02 because of significant relation between promotional factor and study motivation at a weak level ($r = .477^{**}$), rejection of H03 occurred because of the significant relation of interest factor and motive of learning at an average level ($r = .540^{**}$) and the rejection of H04 for there is a relation between the family encouragement factor and motivation of learning at the weakest level ($r = .373^{**}$). Finding of the research indicates significant relation between motive of learning and motivation of learning among PLUMS student in Sandakan.*

Keyword: Motive of Learning, Learning Motivation, Sandakan PLUMS Student

SINGKATAN

PLUMS	-	Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PJJ	-	Pengajian Jarak Jauh
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SAGA	-	Sabah Action Gold Achievement
SPSS	-	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Muka surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	v
SENARAI JADUAL	v
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 Motif	10
1.8.2 Motivasi	11
1.8.3 PLUMS Sandakan	11
1.8.4 Faktor	11
1.8.5 Faktor Gaji	12

1.8.6	Faktor Kenaikan Gaji	12
1.8.7	Faktor Minat	12
1.8.8	Faktor Dorongan Keluarga	13
1.9	Kepentingan Kajian	14
a.	Kementerian Pelajaran Malaysia	14
b.	Jabatan Perkhidmatan Awam	15
c.	Jabatan Pelajaran Negeri	15
d.	PLUMS Sandakan	15
1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Kesimpulan	16
BAB 2:	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Definisi Konsep	17
2.2.1	Motif Belajar	18
2.2.2	Motivasi Belajar	18
2.3	Teori berkaitan dengan faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat dan faktor dorongan keluarga serta motivasi belajar	20
2.4	Model berkaitan dengan faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat dan faktor dorongan keluarga serta motivasi belajar	22
2.5	Kajian berkaitan dengan faktor gaji	23
2.6	Kajian berkaitan dengan faktor kenaikan pangkat	26
2.7	Kajian berkaitan faktor minat	27
2.8	Kajian berkaitan dengan faktor dorongan keluarga	29
2.9	Kajian berkaitan dengan motivasi belajar	30

2.10	Kerangka konseptual kajian	32
2.11	Kesimpulan	33
BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pendahuluan	35
3.2	Pemboleh ubah kajian	35
3.3	Reka bentuk kajian	35
3.4	Instrumen kajian	37
3.4.1	Demografi responden	38
3.4.2	Faktor gaji	39
3.4.3	Faktor kenaikan pangkat	40
3.4.4	Faktor minat	40
3.4.5	Faktor dorongan keluarga	41
3.4.6	Motivasi belajar	42
3.5	Persampelan	43
3.6	Pengumpulan data	44
3.6.1	Pembersihan data	44
3.7	Kajian rintis	46
3.8	Kekuatan nilai pekali korelasi	46
3.9	Penganalisan data	47
3.10	Kebolehpercayaan skala pengukuran	49
3.11	Kesimpulan	49

BAB 4: DAPATAN	51
4.1 Pendahuluan	51
4.2 Analisis deskriptif setiap item bagi maklumat demografi	51
4.2.1 Jantina	52
4.2.2 Tempoh bertugas sebagai guru	53
4.2.3 Umur	53
4.3 Pernyataan setiap item yang terkandung dalam soal selidik	53
4.4 Pernyataan setiap item bagi faktor gaji	54
4.5 Hubungan antara faktor gaji dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	56
4.6 Pernyataan setiap item bagi faktor kenaikan pangkat	57
4.7 Hubungan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	59
4.8 Pernyataan setiap item bagi faktor minat	60
4.9 Hubungan antara faktor minat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	62
4.10 Pernyataan setiap item bagi faktor dorongan keluarga	63
4.11 Hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	66
4.12 Pernyataan setiap item bagi motivasi belajar	67
4.13 Kesimpulan	69
 BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	 71
5.1 Pendahuluan	71
5.2 Rumusan	71
5.2.1 Objektif kajian	71

5.2.2	Metodologi kajian	72
5.2.3	Teori dan dapatan	73
5.2.4	Kepentingan kajian	74
5.3	Hubungan antara faktor gaji dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	74
5.4	Hubungan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	76
5.5	Hubungan antara faktor minat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	77
5.6	Hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	77
5.7	Cadangan	78
1.	Faktor gaji	78
2.	Faktor minat	79
3.	Faktor kenaikan pangkat	80
4.	Faktor dorongan keluarga	81
5.8	Cadangan kajian akan datang	82
5.9	Kesimpulan	83
	Rujukan	85
	Lampiran A1	90
	Lampiran A11	97
	Lampiran B	98

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1: Kerangka konseptual kajian

33



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 3.1: Taburan item faktor gaji	39
Jadual 3.2: Taburan item faktor kenaikan pangkat	40
Jadual 3.3: Taburan item faktor minat	41
Jadual 3.4: Taburan item faktor dorongan keluarga	42
Jadual 3.5: Taburan item motivasi belajar	43
Jadual 3.6: Kebolehpercayaan skala pengukuran bagi item faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat, faktor dorongan keluarga dan motivasi belajar	46
Jadual 3.7: Kekuatan nilai pekali korelasi	47
Jadual 3.8: Alat analisis data bagi pemboleh ubah	48
Jadual 3.9: Alat analisis data bagi hipotesis kajian	48
Jadual 3.10: Kebolehpercayaan skala pengukuran bagi faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat, faktor dorongan keluarga dan motivasi keluarga	49
Jadual 4.1: Bilangan responden mengikut demografi	51
Jadual 4.2: Taburan kekerapan dan peratus bagi faktor gaji	51
Jadual 4.3: Hubungan antara faktor gaji dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	53
Jadual 4.4: Taburan kekerapan dan peratus bagi faktor gaji	54
Jadual 4.5: Hubungan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar di kalangan PLUMS Sandakan	56
Jadual 4.6: Taburan kekerapan dan peratus bagi faktor minat	57
Jadual 4.7: Hubungan antara faktor minat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan	59
Jadual 4.8: Taburan kekerapan dan peratus bagi faktor dorongan keluarga	60

Jadual 4.9:	Hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.	62
Jadual 4.10	Taburan kekerapan dan peratus bagi motivasi belajar	63



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Peranan pendidikan bagi sesebuah negara sangat penting kerana pendidikan merupakan nadi utama untuk menyalurkan matlamat dan hasrat negara. Melalui pendidikan, rakyat dapat mengubah dirinya daripada tidak berilmu menjadi seorang insan yang berilmu dan berwawasan. Kemajuan sesebuah negara itu bukan sahaja bergantung pada kekayaan sumbernya tetapi bergantung juga pada keintelektualan rakyatnya. Rakyat yang berilmu pengetahuan merupakan aset penting bagi sesebuah negara sebagai pemangkin kepada kemajuan, keharmonian dan perpaduan.

Kekuatan pendidikan negara dapat dilihat dan dihayati melalui Falsafah Pendidikan Negara di mana perkara penting yang hendak digagaskan adalah perkembangan setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Mohd. Ismail Othman, 2004). Ini bermakna bahawa setiap rakyat yang telah menerima pendidikan menurut acuan Falsafah Pendidikan Negara, merupakan rakyat yang benar-benar seimbang dari segi persediaan ilmu pengetahuan, perwatakan dan akhlak. Perkara ini sangat mustahak bagi memastikan kesinambungan warisan kemajuan dan kemakmuran negara dapat diteruskan tanpa berlakunya kecacatan yang boleh mengakibatkan kejatuhan negara.

Keprihatinan kerajaan ke atas peri mustahaknya pembangunan pendidikan di negara ini, dapat dilihat melalui pelbagai strategi yang telah dan sedang dilaksanakan demi menjamin kualiti pendidikan negara ini. Melalui Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010 di antara matlamat yang telah digalurkan adalah seperti pemupukan budaya pembelajaran sepanjang hayat, menyediakan sistem pendidikan lebih cekap, berkesan

dan bertaraf dunia serta meningkatkan pendidikan negara pada peringkat antara bangsa (Pembangunan Pendidikan 2001-2010). Manakala melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010, di antara kejayaan yang telah dicapai adalah kejayaan Kementerian Pelajaran Malaysia menaiktarafkan maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru yang telah diluluskan oleh jemaah menteri pada 13 Julai 2005. Selain itu KPM juga telah melaksanakan beberapa program seperti mewujudkan Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Program Berkembar Pra Perkhidmatan (B. Ed TESL) dan Program Bahasa-Bahasa Antarabangsa (Rancangan Malaysia Ke-9, PIPP 2006 - 2010).

Kementerian Pelajaran Malaysia juga tidak ketinggalan memantapkan kualiti tenaga pengajar dengan meningkatkan kelayakan guru melalui pelbagai strategi dan kemudahan. Di antaranya seperti menaiktarafkan status persijilan maktab perguruan dengan taraf diploma pada tahun 1996 yang sebelumnya hanya sijil perguruan dan seterusnya institut pendidikan guru pada tahun 2005. KPM juga bertekad mengurangkan jumlah guru yang tidak mempunyai latihan ikhtisas perguruan dan meningkatkan bilangan guru yang berijazah. Bukan itu sahaja malah KPM juga telah mengambil kira kepentingan kebajikan guru, seperti perluaskan kemudahan pinjaman komputer, perumahan dan kereta kepada warga pendidik, menyediakan insentif berupa kewangan bagi guru yang akan melanjutkan pelajaran dan mengiktiraf ijazah lanjutan dalam pemberian gaji (Pembangunan Pendidikan, 2001 - 2010).

Komitmen kerajaan terhadap pemantapan kualiti pendidikan di negara ini melalui Kementerian Pelajaran Malaysia tidak akan berakhir, malah diteruskan dengan reformasi yang seiring dengan matlamat kerajaan. Penekanan kepada pembangunan pendidikan negara, bermakna penekanan kepada pembangunan keintelektualan rakyat yang dapat menghasilkan suatu gagasan pemikiran yang positif ke arah kemajuan

negara, kemakmuran rakyat dan kestabilan politik sepertimana yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara dan Misi Nasional.

1.2 Latar Belakang Masalah

Bermula dengan status sijil perguruan kepada diploma pendidikan dan seterusnya kepada ijazah yang telah ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menaiktarafkan status sijil perguruan. Dengan penubuhan Institut Pendidikan Guru pada tahun 2005, bermakna guru-guru siswazah terlatih yang keluar daripada institusi tersebut secara langsung memegang sijil perguruan dengan taraf ijazah.

Seiringan dengan keperluan ini, pelbagai usaha dan program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Di antaranya adalah seperti mempertingkatkan bilangan institusi pendidikan, misalnya pada tahun 1970 hanya tiga buah universiti sahaja jika dibandingkan pada tahun 2000 berjumlah 11 buah universiti (Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010). Manakala bilangan guru siswazah pula di sekolah rendah pada tahun 2005 berjumlah 11, 539 orang (6.1%) dan di sekolah menengah berjumlah 112,578 orang (82.4%). Melalui program Pensiswazahan Guru Besar pula, peratus Guru Besar yang telah mengikuti program tersebut sebanyak 50 peratus pada tahun 2005 (RMK-9). Usaha ini membuktikan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa peka kepada keperluan rakyat di samping peningkatan kesedaran masyarakat betapa perlunya penguasaan ilmu pengetahuan.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga sedang mengatur langkah dan melaksanakan pelbagai program bagi membantu memertabatkan profesion perguruan dan melahirkan guru-guru yang berkualiti seperti mana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke - 9 (RMK - 9). Menurut bekas Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien mengatakan bahawa usaha meningkatkan

bilangan guru-guru siswazah sekurang-kurang 50 peratus di sekolah rendah dan 100 peratus di sekolah menengah dan akan dicapai pada tahun 2010 (Perutusan Hari Guru 2006).

Ekoran daripada keperluan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan taraf profesion perguruan dengan syarat pensiswazahan para guru. Usaha KPM ini telah bermula sejak tahun 1993 sehingga kini. Iaitu, daripada Program Berkembar (1993 - 1995) kepada Kursus Diploma Perguruan Khas (1996 - 1997) dan seterusnya Program Khas Pensiswazahan Guru (1999 hingga sekarang). Program tersebut telah dilaksanakan atas usaha sama antara maktab perguruan dengan universiti. Kemudahan yang telah disediakan oleh KPM ini dapat memberi peluang terbaik kepada warga pendidik untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat universiti.

Berlandaskan kepada matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia dan segala usaha yang telah dilaksanakannya melalui pelbagai program, lonjakan paradigma para guru untuk melanjutkan pelajaran ke universiti kena pada tempatnya. Inilah saat yang dinanti-nantikan oleh semua pihak agar kedatangan guru-guru ke pusat pengajian tinggi dapat menapis dakwaan sesetengah pihak bahawa profesion perguruan merupakan profesion yang dikatakan sebagai pilihan terakhir. Selain itu, penyertaan guru-guru juga secara tidak langsung dapat membantu memertabatkan profesion keguruan supaya dihormati semua pihak. Slogan "Pembelajaran Sepanjang Hayat" sepertimana yang dilaung-laungkan oleh kerajaan melalui program Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010 dan juga Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010, telah memberi impak yang mendalam kepada setiap guru untuk turut serta menyahut saranan tersebut melalui penyertaan mereka menimba ilmu pengetahuan di institusi-institusi pengajian tinggi. Semua ini adalah hasil usaha Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah bersusah payah menyediakan prasarana pembangunan pendidikan, di samping

berusaha mempromosikan pelbagai program yang boleh memotivasikan minda di kalangan guru.

Menurut persyaratan kerjaya khususnya profesion perguruan, dua daripada lima persyaratan yang dimaksudkan adalah seperti, menuntut adanya ketrampilan yang berdasarkan konsep dan teori ilmu pengetahuan yang mendalam dan menuntut adanya tingkat pendidikan keguruan yang memadai (Yahya Don, 2005). Persyaratan tersebut telah menguatkan azam dan semangat di kalangan guru untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi untuk mempertingkatkan lagi ilmu keguruan mereka selaras dengan orde baru dunia pendidikan.

Jika merujuk kepada perakuan-perakuan persidangan tentang status guru pada tahun 1966 dan laporan persidangan tersebut melalui jawatan kuasa bersama pakar-pakar ILO - UNESCO tentang aplikasi perakuan-perakuan persidangan tersebut, terdapat lima perakuan yang kritikal menyentuh tentang status guru secara langsung. Prinsip pertama, status guru hendaklah sejajar dengan keperluan-keperluan pendidikan seperti mana yang dinilai berdasarkan kepada objektif dan tujuan pendidikan semasa. Prinsip kedua, profesion keguruan haruslah diiktiraf kerana profesion perguruan juga merupakan kumpulan anggota sebagai perkhidmatan awam. Dalam prinsip ini, setiapkan warga guru haruslah mempunyai keilmuan yang setimpal dengan profesion, seorang yang pakar dan berkemahiran serta mempunyai pembelajaran sepanjang hayat yang berkesinambungan. Prinsip ketiga, guru haruslah dihormati tanpa diskriminasi dan dipolitikkan, tanpa memilih warna kulit dan keadaan sosioekonomi. Tetapi haruslah diberi perhatian sama rata. Prinsip keempat, kebajikan guru haruslah diberi perhatian dengan memberi kemudahan prasarana yang membolehkan guru bertugas dengan baik dan prinsip kelima adalah mengiktiraf pertubuhan-pertubuhan guru sebagai satu kumpulan penggerak yang positif dan dapat menyumbang kepada kemajuan pendidikan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2002).

Berdasarkan kepada kelima-lima prinsip yang disebutkan, ternyata bahawa profesion keguruan itu mesti dimartabatkan sebagai satu profesion perkhidmatan awam yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar pendidikan di peringkat sekolah. Di samping pengiktirafan profesion perguruan, warga guru juga harus memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti mana yang dituntut dalam prinsip kedua. Justeru itu, kedatangan guru-guru ke institusi-institusi pengajian tinggi untuk menimba ilmu, adalah selaras dengan tuntutan perakuan-perakuan status guru UNESCO, 1966 seperti mana yang telah dinyatakan.

Profesion perguruan adalah sinonim dengan dunia pendidikan yang mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam melaksanakan matlamat kerajaan ke arah melahirkan rakyat yang berilmu dan berpendidikan. Pelaksanaan pelbagai program oleh KPM dapat membantu memperkukuhkan lagi kedudukan profesion perguruan di samping dapat melahirkan para pendidik yang benar-benar memahami konsep sebenar dunia pendidikan. Menurut Salleh Abd. Rashid (2003) para pendidik yang mempunyai pemikiran yang positif terhadap kurikulum dan pengajaran adalah para pendidik yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam dunia pengajaran dan pembelajaran di samping memiliki pengetahuan profesional yang tinggi bagi melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Selain itu, para pendidik juga harus mempunyai kraf iaitu kemahiran dan pengetahuan tentang kerjaya sebagai seorang pendidik di samping bersifat kreatif dan inovatif tetapi bukan sekadar sebagai profesional yang 'Conformist' berperanan sebagai penerus tradisi atau sebagai pembina menurut spesifikasi yang ditetapkan, tetapi di sebaliknya harus menjadi sebagai seorang pendidik yang boleh mengubah suai dan pencipta baru.

1.3 Pernyataan Masalah

Seiringan dengan ledakan reformasi pendidikan dan pemantapan kualiti pendidikan ke arah mutu pendidikan bertaraf dunia, profesion perguruan telah diberi perhatian oleh kerajaan. Pelbagai usaha dan strategi telah diusahakan untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara.

Agenda Kementerian Pelajaran Malaysia ke arah meningkatkan bilangan guru berijazah dan membantu para guru dengan pelbagai kemudahan telah membuka ruang yang luas kepada guru-guru bukan siswazah untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan dengan tujuan meningkatkan lagi iktisas agar guru-guru berkenaan diiktiraf sebagai seorang guru siswazah.

Persoalannya sekarang, masih ramai guru yang belum berijazah dan tidak berpeluang mengikuti program-program yang telah ditawarkan oleh kementerian. Seolah-olah program-program seperti yang dinyatakan tidak dapat memotivasikan guru-guru melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Pembangunan Pendidikan (2001 - 2010), jumlah guru yang berijazah di seluruh Malaysia bagi sekolah rendah sehingga tahun 2005 hanya 11,539 atau 6.1 peratus, manakala jumlah guru berijazah di sekolah menengah sehingga tahun 2005 hanya 112,578 atau 82.4 peratus. Sedangkan sasaran Kementerian Pelajaran Malaysia menjelang tahun 2010, mensasarkan 50 peratus guru-guru berijazah bagi sekolah rendah dan 100 peratus bagi guru-guru berijazah di sekolah menengah.

Mengikut laporan perangkaan dalam EMIS sehingga 31 Oktober 2007 mendapati bahawa jumlah keseluruhan guru di negeri Sabah sehingga tahun 2007 adalah berjumlah 33,810 orang, iaitu sejumlah 21,499 orang guru bertugas di sekolah rendah dan 12,311 orang guru bertugas di sekolah menengah. Daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak 1,165 orang guru adalah guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang bertugas di sekolah rendah dan daripada jumlah ini seramai 386 (33.13%) adalah guru

sandaran tidak terlatih bukan siswazah manakala 779 (66.87%) adalah guru sandaran tidak terlatih siswazah. Manakala laporan pembentangan kepada jawatankuasa penyelarasan pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak Bil. 2/2008, IPG Keningau 20 Julai 2008 mendapati bahawa sehingga tahun 2008 bilangan guru siswazah bagi sekolah rendah hanya mencapai 18% berbanding dengan jumlah guru siswazah bagi sekolah menengah 85%. Pencapaian ini bertentangan dengan sasaran kerajaan ke arah peningkatan 50% bilangan guru siswazah di sekolah rendah dan 100% bilangan guru siswazah di sekolah menengah menjelang tahun 2010.

Adakah program-program yang dirancang dan disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tidak bersesuaian dengan motif guru-guru untuk melanjutkan pelajaran ke universiti? Fokus utama pengkaji adalah ingin mengkaji hubungan di antara motif belajar dengan motivasi belajar guru-guru bukan siswazah yang memegang sijil ikhtisas perguruan dan guru-guru yang memegang diploma perguruan melanjutkan pelajaran ke Pengajian Luar Universiti Malaysia Sabah Sandakan (PLUMS Sandakan). Untuk tujuan ini, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada aspek faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat dan faktor dorongan keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pandangan guru tentang hubungan antara motif belajar dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti sama ada aspek faktor gaji, faktor kenaikan pangkat, faktor minat dan faktor dorongan keluarga mempunyai hubungan dengan motivasi belajar guru-guru yang melanjutkan pengajian ke PLUMS Sandakan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan antara motif belajar (Faktor Gaji, Faktor Kenaikan Pangkat, Faktor Minat dan Faktor Dorongan Keluarga) dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan seperti berikut:

- (a) Mengenal pasti hubungan antara faktor gaji dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.
- (b) Mengenal pasti hubungan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.
- (c) Mengenal pasti hubungan antara faktor minat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.
- (d) Mengenal pasti hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, persoalan kajian yang

hendak dikaji ialah :

- (a) Adakah terdapat hubungan antara faktor gaji dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan?
- (b) Adakah terdapat hubungan antara faktor kenaikan pangkat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan?
- (c) Adakah terdapat hubungan antara faktor minat dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan?
- (d) Adakah terdapat hubungan antara faktor dorongan keluarga dengan motivasi belajar di kalangan pelajar PLUMS Sandakan?